

kerana engkau sudah diampuni dosa-dosa yang lalu dan yang akan datang.” Maka marahlah Rasulullah s.a.w. sehingga nampak ketara tanda-tanda kemarahan pada wajah Baginda.<sup>170</sup> Kemudian Baginda bersabda: “Sesungguhnya orang yang paling bertaqwa dan paling mengenali Allah di kalanganmu adalah aku.”<sup>171</sup>

---

<sup>170</sup> Antara sebab yang telah mencetuskan kemarahan Nabi s.a.w terhadap kata-kata yang mereka tujukan kepada Baginda itu ialah: (1) Kata-kata sahabat: “Kami tidaklah seperti engkau wahai Rasulallah!” Kata-kata ini boleh menimbulkan kekeliruan tentang kejadian fizikal Nabi. Ia seolah-olahnya menunjukkan Nabi s.a.w. bukan manusia. Walaupun para sahabat yang mengucapkan begitu memaksudkannya kepada kema’shuman Baginda s.a.w. daripada melakukan sebarang dosa. Tetapi kenyataan yang sedemikian boleh menimbulkan kekeliruan yang akan melahirkan fahaman-fahaman yang sesat tentang kejadian asal Baginda di kalangan generasi kemudian, apabila Baginda dianggap bukan seorang manusia biasa di segi kejadian fizikalnya. Sedangkan Nabi s.a.w. sering diajar Allah agar mengingatkan kepada umat bahawa diri Baginda adalah manusia seperti orang-orang lain. Di dalam al-Qur’an Allah mengajar RasulNya s.a.w. supaya berkata:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu... (al-Kahfi:110).

Bukankah kekeliruan tentang hakikat kejadian fizikal Rasulullah s.a.w. inilah kemudiannya telah melahirkan ajaran Barelwi di India, lalu tersebar di seluruh dunia sekarang? Golongan Barelwi mempercayai susuk badan Nabi Muhammad s.a.w. bukan seperti manusia biasa. Kejadiannya adalah daripada cahaya. Kerana itulah Baginda tidak berbayang. Untuk menyokong pegangan mereka, golongan ini sentiasa menjadikan hadits-hadits dha’if dan maudhu’ sebagai sandaran. Mereka juga percaya Nabi s.a.w. mengetahui segala perkara ghaib dan mampu melihat segala-galanya termasuk dari dalam kubur Baginda. Apabila dikemukakan kepada mereka hadits-hadits sahih yang menunjukkan Baginda tidak mengetahui semua perkara dan sering bertanya kepada para sahabat tentang perkara-perkara tertentu, mereka menolaknya dengan da’waan situasi itu adalah di peringkat permulaan sahaja, tetapi selepas itu Allah telah membuka pintu segala ilmu kepadanya. (2) Anggapan mereka bahawa ibadah-ibadah lazim yang Baginda sering amalkan adalah sedikit. Ia tidak boleh dijadikan sebagai pedoman bagi umat Baginda. Sedangkan penilaian atau ukuran kepada baik atau sebaliknya sesuatu amalan itu bukan terletak pada kuantitinya, tetapi kualitinya iaitu amalan yang tepat mengikut garis panduan sunnah. (3) Hasrat mereka itu bercanggah dengan fitrah (kejadian semula jadi) manusia yang saling memerlukan antara lelaki dan wanita. Islam pula adalah agama yang sesuai dengan fitrah (kejadian semula jadi) manusia. Ia mengalakkan perkahwinan sebagai satu-satunya saluran terbaik untuk pengembangan populasi manusia dan membenarkan mereka menjalani kehidupan yang sesuai dengan tuntutan naluri mereka. Hal ini selaras dengan ajaran al-Qur’an. Allah s.w.t. berfirman:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Bermaksud: Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (ar-Ruum:30).

Menolak kepentingan institusi perkahwinan dan pengembangan populasi umat akan menyebabkan pupusnya generasi-generasi yang ingin berbakti kepada Tuhan dan dalam masa yang sama generasi yang jauh daripada Tuhannya akan terus mendominasi majoriti manusia. Jika situasi ini tidak dikawal, ia pasti akan mengundang bencana kepada kesejahteraan umat manusia. Begitu juga dengan tindakan memaksa diri melakukan ibadah sepanjang malam dan berpuasa sepanjang tahun, sedangkan tidur dan rehat, makan dan minum adalah keperluan fitrah manusia yang harus dipenuhi. Dalam membenarkan perkara ini, Allah s.w.t. telah berfirman:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَمَةِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣١﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya? Katakanlah: Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat. Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui. (al-A`raaf:32).

Malah Nabi s.a.w. sendiri telah bersabda bahawa anggota tubuh manusia juga mempunyai hak-hak dan keperluannya yang harus dipenuhi agar tidak mendatangkan sebarang mudharat jika keperluannya diabaikan melalui sabda Baginda berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَلَمْ أُخْبِرْ أَنَّكَ تَقُومُ اللَّيْلَ وَتَصُومُ النَّهَارَ قُلْتُ بَلَى أَفْعَلُ ذَلِكَ قَالَ فَإِنَّكَ إِذَا فَعَلْتَ ذَلِكَ هَجَمَتْ عَيْنُكَ وَتَفَهَتْ نَفْسُكَ لِغَيْبِكَ حَقٌّ وَلِنَفْسِكَ حَقٌّ وَلِلْأَهْلِ حَقٌّ فَمَنْ وَنِمَ وَصُمَ وَأَفْطَرَ

Bermaksud: “Abdullah bin `Amar r.a. meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. telah bertanya kepadaku: “Benarkah cerita yang telah sampai kepadaku bahawa engkau bersembahyang sepanjang malam dan berpuasa setiap hari?” Aku menjawab: “Benar.” Terus Baginda bersabda: “Sekiranya engkau berterusan melakukannya matamu akan cengkung dan badanmu akan kepenatan. Mata, badan dan isterimu ada hak masing-masing yang perlu dipenuhi. Bersembahyanglah (pada waktu malam) dan tidurlah (juga). Berpuasalah tetapi berbukalah juga (biarlah ada hari-hari engkau tidak berpuasa).” (Hadits riwayat Muslim, an-Nasaa’i dan al-Baihaqi).

(4) Kesimpulan dan andaian sahabat-sahabat berkenaan yang tidak tepat tentang Nabi s.a.w. tidak lagi memerlukan amalan-amalan ibadah yang banyak, kerana Baginda telah mendapat berita gembira daripada Allah s.w.t. bahawa Baginda adalah seorang yang Ma’sum dan pasti akan menghuni SyurgaNya, sedangkan mereka pula tidak begitu. Kesimpulan dan andaian spt itu tidak tepat kerana Nabi sendiri semakin memperbanyakkan amalan ibadah setelah mendapat

berita tentang pengampunan Allah terhadap segala dosa (salah silap) Baginda, sama ada yang terdahulu mahupun yang kemudian. Hakikat ini dapat dilihat dengan jelas pada jawapan Rasulullah s.a.w. apabila ditanya oleh isterinya `Aaishah yang kehairanan melihat kesungguhan Baginda beribadah pada waktu malam, sehingga menyebabkan kaki-kaki Baginda menjadi bengkok. Padahal bukankah Rasulullah s.a.w. telah mendapat keampunan daripada segala dosa? Jawapan tersebut berbunyi:

أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

Bermaksud: “Tidakkah patut aku menjadi seorang hamba yang bersyukur?” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Ibnu Majah dan lain-lain).

**Hadits ini juga menunjukkan Nabi s.a.w.** dan sekalian para nabi yang lain terpelihara daripada melakukan dosa-dosa, atau dalam erti kata yang lain mereka adalah Ma'shum. Dan hikmah daripada kema'shunan para nabi ialah untuk memberikan keyakinan penuh kepada umat manusia bahawa ajaran yang dibawa oleh mereka adalah benar-benar terpelihara daripada sebarang kesilapan, kepalsuan, kekurangan, pemesongan, penyelewengan dan pelbagai andaian negatif lain. Walau bagaimanapun sifat `Ishmah ini hanya dianugerahkan khusus kepada para anbiya' sahaja. Jika terdapat mana-mana ajaran yang mendakwa bahawa orang lain turut memiliki sifat yang dikhususkan kepada para anbiya' itu, maka ajaran itu haruslah dihukum sesat. Ini adalah salah satu perkara yang merupakan usul dalam agama Islam, selain ia juga bercanggah dengan aqidah *Khatmun Nubuwwah* yang khusus dengan Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun aqidah `Ishmatul Anbiya' ini telah disepakati oleh sekalian `ulama' Ahlu as-Sunnah Wa al-Jama'ah, namun mereka masih lagi berbeza pendapat dalam menetapkan jenis-jenis dan zaman dosa tersebut dilakukan. Bagaimanapun mereka tetap sependapat tentang para anbiya' tidak melakukan sebarang dosa besar sama ada sebelum atau selepas dilantik menjadi nabi. Adapun dalam melakukan dosa-dosa kecil yang tidak mendatangkan keaiban, sesetengah `ulama' berpendapat ia mungkin boleh berlaku kepada para nabi. Justeru menurut sebahagian `ulama' aliran Asya'irah, dosa-dosa kecil boleh berlaku kepada para nabi sama ada secara sedar atau tidak, sengaja atau tidak sengaja, sebelum menjadi nabi ataupun selepasnya. Akan tetapi para `ulama' aliran Maturidiyyah sependapat tentang para nabi tidak mungkin sama sekali melakukan dosa-dosa, sama ada besar atau kecil, walaupun sebelum menjadi seorang nabi. Antara `ulama' Asya'irah yang telah memilih dan menyokong aliran Maturidiyyah dalam masalah ini ialah Hafiz al-'Iraqi, Taqiyyuddin as-Subki, Abu Ishaq al-Isfiraini, Qadhi `Iyadh dan lain-lain lagi.

Ada golongan yang mengaku sebagai umat Islam tidak menganggap para nabi bersifat Ma'shum. Pendapat mereka dikaitkan juga dengan hadits ini. Hujah mereka ialah jika para nabi memang Ma'shum, maka apa gunanya jaminan pengampunan yang diberikan oleh Allah s.w.t. itu. Pendapat golongan ini jelas terkeluar daripada pegangan jumhur Ahlu as-Sunnah Wa al-Jama'ah.

Kalau begitu apakah maksud pengampunan Allah yang di sebut di dalam hadits ini dan turut terpahat di dalam al-Qur'an sebagai firman Allah itu? Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُبِينًا ﴿١﴾ لِيُغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ﴿٢﴾

وَيَنْصُرَكَ اللَّهُ نَصْرًا عَظِيمًا ﴿٣﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata, (1) Kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian di samping menyempurnakan ni'matNya kepadamu, serta memimpinmu kepada jalan yang lurus. (2) Dan dengan sebabnya Allah memberikanmu pertolongan (untuk mencapai kejayaan) dengan sepenuh-penuhnya. (3) (al-Fath:1-3).

**Kerana zahir hadits dan ayat di atas** menunjukkan Nabi s.a.w. juga ada melakukan dosa. Namun kekeliruan daripada kenyataan hadits dan al-Qur'an tentang pengampunan dosa tersebut telah dijelaskan oleh para 'ulama' melalui beberapa jawapan. Antara lainnya adalah spt berikut: (1) Maksud pengampunan di sini ialah pengampunan kepada umat Nabi s.a.w., bukannya kepada Baginda sendiri. Meskipun pendapat ini terdapat di dalam sesetengah kitab tafsir, namun ianya ternyata tersasar daripada kebenaran berdasarkan pendapat jumhur Mufasssirin yang berpandukan hadits-hadits, termasuklah hadits yang sedang dibicarakan sekarang. Di dalam sesetengah riwayat ini, apabila para sahabat mengaku bahawa nasib mereka tidak seperti Baginda yang telah diampunkan segala dosa. Apatah lagi keampunan di dalam ayat tadi amat jelas ditujukan kepada Nabi s.a.w. sendiri, malah kenyataan ini disokong oleh sebuah kisah yang turut terdapat di dalam Sahih Bukhari, iaitu apabila turun ayat pengampunan di dalam Surah al-Fath tadi, para sahabat pun mengucapkan tahniah kepada Nabi dengan ucapan mereka:

هَنِيئًا مَرِيئًا فَمَا لَنَا

Bermaksud: "Tahniah! bertuahlah tuan, namun bagaimanalah pula dengan nasib kami?"

Maka sebagai jawapan kepada mereka Allah s.w.t. seterusnya menurunkan ayat 4 dan 5 Surah al-Fath:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَعَ إِيْمَانِهِمْ ۖ وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٤﴾  
لِيَدْخُلَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَيُكَفَّرُ عَنْهُمْ سَرِيعَاتِهِمْ ۚ وَكَانَ ذَلِكَ عِنْدَ اللَّهِ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٥﴾

Bermaksud: Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mu'min supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka (yang telah ada). Dan kepunyaan Allah-lah tentara langit dan bumi dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. (4). supaya Dia memasukkan orang-orang mu'min laki-laki dan perempuan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dalam keadaan mereka kekal di dalamnya dan supaya Dia menutupi kesalahan-kesalahan mereka. Dan yang demikian itu adalah kejayaan yang besar di sisi Allah. (5). (al-Fath:4-5).

(2) Kesalahan atau dosa makhluk terhadap Allah s.w.t. terbahagi kepada tiga peringkat, yang paling berat ialah *Ma'shiat*. Ia diikuti oleh *Khatha'* atau *Khathi'ah*. Sementara yang paling ringan ialah *dzanb*. Pendapat ini dikemukakan oleh Qadhi 'Iyadh dan Syah Waliyullah. Jika *ma'shiat* yang merupakan kesalahan paling berat boleh diterjemahkan sebagai dosa dalam bentuk penderhakaan terhadap Allah, maka *dzanb* mempunyai maksud yang berbeza. Ia hanyalah dosa dalam bentuk keaiban, kesilapan, keterlanjuran dan seumpamanya. Menurut mereka dosa *ma'shiat* dan *khatha'* tidak akan sama sekali berlaku kepada para nabi a.s. Sebaliknya *dzanb* mungkin saja boleh berlaku kepada mereka. Berdasarkan teori inilah para 'ulama' dari kalangan Asya'irah berpendapat para nabi juga melakukan dosa, namun dosa-dosa

yang mereka lakukan bukannya dalam bentuk dosa-dosa besar seperti *ma'shiat* dan *khatha'* yang telah dijelaskan tadi. Sekiranya timbul persoalan tentang maksud istilah *dzanb* yang dipakai oleh golongan ini bertentangan dengan maksud *dzanb* yang dipakai di dalam al-Qur'an, iaitu dengan *ma'na* dosa secara umum termasuklah dosa-dosa besar, sebagaimana dapat dikesan di dalam firman Allah s.w.t. di bawah ini:

قُلْ يَعْبادِي الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَى أَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang. (az-Zumar:53), maka ia akan dijawab oleh golongan ini dengan mengatakan istilah *dzanb* yang dipakai dengan makna dosa-dosa kecil ialah dalam **konteks** mengklasifikasikan jenis-jenis dosa, sebagaimana yang disenaraikan oleh mereka tadi, apabila *dzanb* dibandingkan dengan *khatha'* dan *ma'shiat*. Atau apabila terdapat perkataan-perkataan *ma'shiat* dan *khatha'* bersama perkataan *dzanb*. Tetapi jika perkataan *dzanb* digunakan secara Mutlak, maka ia boleh mengandungi *ma'na* dosa secara umum.

(3) Maksud *dzanb* yang disebutkan di dalam ayat al-Qur'an dan hadits `Aaishah di atas pada hakikatnya bukanlah berma'na dosa. Kerana pemakaian *ma'nanya* boleh berada di bawah *qaedah* yang telah disimpulkan oleh sesetengah `ulama';

حسنات الأبرار سيئات المقربين

Bermaksud: Amalan-amalan kebajikan golongan Abrar (orang-orang saleh), masih dianggap sebagai kesalahan-kesalahan di sisi Muqarrabin (orang-orang yang hampir kedudukannya di sisi Allah). Dalam erti kata yang lain, perkataan *dzanb* yang dikaitkan dengan para nabi sebenarnya bukanlah perbuatan-perbuatan berdosa jika dinisbahkan kepada orang-orang awam. Kerana pengiraan kesalahan di antara seseorang individu dengan yang lainnya berbeza mengikut taraf, kedudukan dan ketinggian darjat mereka. Contohnya, umat Nabi Muhammad s.a.w. tidak dikira bersalah jika tidak mengerjakan sembahyang Tahajjud, tetapi meninggalkannya adalah satu dosa bagi Baginda s.a.w. sendiri. Contoh yang lain, Allah telah mengingatkan kepada isteri-isteri Nabi bahawa mereka akan mendapat dua kali ganda seksaan Allah berbanding orang lain jika mereka melakukan kesalahan melalui firmanNya ini:

يَنْبِئُكَ الْغَيْبُ مَنْ يَأْتِ مِنْكَ بِقِسْمَةٍ مُبَيَّنَةٍ يُضَاعَفُ لَهَا الْعَذَابُ ضِعْفَيْنِ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

Bermaksud: Wahai isteri-isteri Nabi, sesiapa di antara kamu yang melakukan sesuatu perbuatan keji yang nyata, niscaya akan digandakan azab seksa baginya dua kali ganda. Dan (hukuman) yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya. (al-Ahzaab:30).

Antara contoh kesalahan-kesalahan para nabi yang sebenarnya bukanlah merupakan satu kesalahan pun bagi orang awam ialah:

(i) Kebimbangan Nabi Ya'qub a.s. untuk melepaskan anaknya, Yusuf a.s. keluar bersiar-siar bersama abang-abangnya yang sudah dirasai olehnya mempunyai niat yang tidak baik terhadap adiknya itu dengan alasan:

قَالَ إِنِّي لَخِزْنَتِي أَنْ تَذْهَبُوا بِهِ وَأَخَافُ أَنْ يَأْكُلَهُ الذِّئْبُ وَأَنْتُمْ عَنْهُ غَافِلُونَ ﴿١٠٠﴾

Bermaksud: Bapa mereka menjawab: "Permergian kamu membawanya bersama sangatlah mendukacitakan daku, dan aku pula bimbang ia akan dimakan oleh serigala, ketika kamu lalai dari mengawalinya." (Yusuf:13).

Sedangkan bagi seorang nabi, Baginda tidak sepatutnya mengeluarkan alasan sedemikian yang seolah-olah menunjukkan Baginda tidak bertawakkal kepada Allah. Akibatnya Nabi Ya'qub a.s. telah dihukum dengan dipisahkan daripada anak kesayangannya untuk satu jangka masa yang agak lama.

(ii) Jawapan Nabi Musa a.s. terhadap pertanyaan pengikutnya dengan mengaku bahawa Bagindalah orang yang paling alim, sebagaimana tersebut di dalam hadits Nabi s.a.w. berikut:

قَامَ مُوسَى النَّبِيُّ خَطِيبًا فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ فُسِّلَ أَيُّ النَّاسِ أَعْلَمُ فَقَالَ أَنَا أَعْلَمُ فَعَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِ إِذْ لَمْ يَرُدَّ الْعِلْمَ إِلَيْهِ

Bermaksud: "(Pernah pada suatu hari) Nabi Musa a.s. berucap di hadapan (kaumnya) Bani Israil. Lalu Baginda a.s. ditanya: "Siapakah manusia yang paling alim di dunia ini?" Baginda lantas menjawab, Akulah yang paling alim. Lalu Allah mencelanya kerana tidak mengaitkan pengetahuan denganNya." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Ibnu Hibbaan dan lain-lain).

Akibatnya, Allah s.w.t. telah memerintahkannya agar mencari orang yang lebih alim daripadanya dengan menempuh perjalanan yang jauh dan melalui ujian-ujian yang mencabar ilmunya.

(iii) Kisah Nabi Yunus a.s. yang teguran Allah terhadapnya dirakamkan di dalam al-Qur'an menerusi firmanNya:

وَذَا النُّونِ إِذْ ذَهَبَ مُغْضِبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾

Bermaksud: Dan (sebutkanlah peristiwa) Dzun Nun (Yunus), ketika dia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, lalu dia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka dia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (al-Anbiyaa':87).

Akibatnya beliau telah meringkuk di dalam kegelapan perut seekor ikan dalam satu tempoh yang agak lama setelah dicampak ke dalam laut. Dan kesalahan Nabi Yunus inilah yang telah menyebabkan umat Baginda a.s. dikecualikan daripada ditimpa malapetaka dan azab atas pengingkaran mereka terhadap seorang Nabi utusan Allah. FirmanNya:

فَلَوْلَا كَانَتْ قَرْيَةٌ ءَامَنَتْ فَنَنْفَعَهَا إِيْمَانُهَا إِلَّا قَوْمَ يُونُسَ لَمَّا ءَامَنُوا كَشَفْنَا عَنْهُمْ عَذَابَ الْخِرْيِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَنَمَتْنَهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٩٨﴾

Bermaksud: Dan mengapa tidak ada (penduduk) suatu kota yang beriman, lalu imannya itu bermanfaat kepadanya selain kaum Yunus? Tatkala mereka (kaum Yunus itu) beriman, Kami hilangkan dari mereka azab yang menghinakan dalam kehidupan dunia, dan Kami beri kesenangan kepada mereka sampai kepada waktu yang tertentu. (Yunus:98).

(iv) Kisah Nabi s.a.w. sendiri yang tidak memberikan layanan kepada pertanyaan 'Abdullah Ibnu Ummi Maktum kerana lebih menumpukan perhatian kepada orang-orang kenamaan yang kelihatan berminat untuk mendengar ucapan-ucapan dakwah Baginda. Perbuatan Baginda tersebut mendapat teguran Allah menerusi firmanNya: